

25 AUG 2003

Abdullah-BN (Bergambar)

LEBIH 50,000 AKAN HADIR SAMBUTAN 'KONGSI KUASA BN'

KUALA LUMPUR, 25 Ogos (Bernama) -- Kira-kira 50,000 ahli parti-parti komponen Barisan Nasional akan menghadiri satu perhimpunan dinamakan "Sambutan 50 Tahun Kecemerlangan Kongsi Kuasa" yang merupakan formula unik membina perpaduan kaum dan pembangunan negara sejak 1953.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Pengerusi BN, akan menyampaikan amanat penting pada perhimpunan itu yang akan diadakan di Stadium Merdeka di sini pada 20 Sept ini bermula 3 petang.

Sambutan itu bertemakan "Kongsi Kuasa Kejayaan Malaysia" dan adalah bukti bahawa perkongsian kuasa yang diamalkan oleh BN selama ini tidak ada tandingan di mana-mana negara lain, katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat yang mengkaji laporan oleh jawatankuasa-jawatankuasa sambutan perayaan itu.

"Kita harap perayaan ini akan diberi sambutan yang meriah," katanya selepas mesyuarat di Menara Dato Onn itu yang turut dihadiri pemimpin-pemimpin parti-parti komponen BN.

Abdullah berkata perkongsian kuasa ini telah berhasil kerana kerajaan BN berjaya meyakinkan majoriti rakyat bahawa ia sebuah kerajaan yang mewakili semua kaum dan memegang kuat pada prinsip bekerjasama berlandaskan hormat menghormati di antara satu sama lain.

"Dan juga berpegang kuat pada semangat musyawarah dan berbincang segalanya berkaitan dengan kerajaan dan juga pada peringkat parti dengan mengambil keputusan berasaskan konsensus," katanya.

Abdullah berkata dalam BN yang kini mempunyai 14 komponen, walaupun terdapat parti yang besar dan juga kecil, tetapi semuanya diberikan hak yang sama dalam memberikan pandangan.

"Bermakna parti-parti kecil pun ada peranan dan hak untuk bincang dan beri pandangan dan keputusan diambil di atas pandangan terbaik demi menjaga perpaduan BN," kata Abdullah.

Abdullah juga berkata prinsip perkongsian kuasa BN telah terbukti membawa perpaduan dan mengelakkan perbalahan di samping pembangunan kepada semua kaum dan ia menjadi prinsip yang terus dipegang kuat oleh BN sampai hari ini.

Abdullah berkata mesyuarat hari ini juga memutuskan agar kedudukan Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) yang kini dilanda masalah dalaman, dibawa ke mesyuarat Dewan Tertinggi BN yang tarikhnya belum ditentukan lagi.

Beliau berkata kedudukan dua wakil rakyat dari MCA di Pulau Pinang juga akan dibincangkan pada mesyuarat itu.

"Perkara ini hendaklah terus dibawa kepada mesyuarat Dewan Tertinggi. Mesyuarat ini adalah mesyuarat jawatankuasa kerja. Apa yang diputuskan mengenai perkara ini adalah perkara dasar, jadi elok dengan itu dibincang terus pada peringkat dewan (Tertinggi BN)," katanya

Pada 10 Julai lepas, Jawatankuasa Pusat MCA menarik balik penggantungan keahlian Anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) Datuk Keramat Lim Boo Chang dan Adun Jawi, Tan Cheng Liang yang dibuat pada 16 Dis 2002 kerana tidak mengundi menentang satu usul pembangkang dalam persidangan dewan.

"Daripada segi MCA tiada masalah lagi. Mereka dah ambil balik. Mereka adalah Adun dan ada beberapa perkara lagi yang perlu diselesaikan".

"Mereka sebenarnya digantung BN atas nama mengambil kira mereka sebagai Adun BN. Jadi dengan itu BN sendiri kena buat keputusan tetapi tetap ambil kira pandangan MCA," kata Abdullah.

-- BERNAMA
RV RV MOZ